

## Kajian Penglibatan Wanita Dalam Gerakan Koperasi Semenanjung Malaysia

Hayati Md.Salleh

Safaai Said

Siti Fatimah Sajadi

Jun 2002

### RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan wanita dalam gerakan koperasi masih berada dalam tahap yang rendah. Daripada 4.55 juta anggota koperasi dalam tahun 1999, wanita hanya memenuhi kira-kira 34.47%. Daripada 27,664 orang jumlah Anggota Lembaga Koperasi dewasa pula, kaum lelaki adalah seramai 24,992 orang (90.7%) manakala wanita hanya seramai 2,672 orang (97%).

Justeru kajian ini dibuat bagi meninjau penglibatan wanita dalam koperasi dan mengenal pasti faktor yang mempunyai kaitan dengan penglibatan mereka dalam koperasi. Kajian ini juga melihat tahap penglibatan mereka dalam koperasi dan juga melihat tahap penglibatan wanita dalam aktiviti yang dijalankan oleh koperasi yang mempunyai keanggotaan lelaki dan wanita. Selain itu, faktor-faktor halangan kepimpinan wanita dalam koperasi juga dikenal pasti. Kajian telah dijalankan terhadap 82 buah koperasi dewasa yang keanggotaannya bercampur dan 42 buah koperasi wanita di Semenanjung Malaysia.

Seramai 738 orang responden telah ditemu bual dan 487 daripadanya terdiri daripada responden wanita. Responden telah dipilih menggunakan pensampelan mudah iaitu responden yang dicadangkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi wilayah masing-masing. Ini adalah disebabkan kesulitan yang dihadapi untuk mendapatkan kerjasama di kalangan anggota koperasi yang tidak aktif. Dalam kajian ini ciri-ciri demografi dan minat peribadi wanita yang melibatkan diri dalam koperasi telah dikaji. Ciri-ciri demografi yang telah dikaji ialah umur, bangsa, taraf perkahwinan, bilangan anggota

dalam keluarga, pekerjaan utama, pekerjaan sampingan, pendapatan keluarga dan taraf pendidikan. Analisis kajian mendapati dari segi umur, 35.7% responden berumur antara 36 hingga 45 tahun, 27.1% berumur antara 46 hingga 55 tahun.

Majoriti responden adalah terdiri dari bangsa Melayu iaitu 91.6%. Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan responden yang terlibat telah berkahwin (79.9%) dan mempunyai bilangan anak dalam lingkungan umur persekolahan iaitu seramai 3 orang atau kurang. Sebahagian besar responden adalah mereka yang bekerja di Sektor Kerajaan atau Swasta iaitu sebanyak 54.0%. Dari segi pendapatan pula kebanyakan wanita yang terlibat dalam koperasi mempunyai pendapatan kurang dari RM500.00 hingga RM1000.00 sebulan.

Dari segi taraf pendidikan, kebanyakan wanita yang terlibat dalam koperasi mempunyai taraf pendidikan SRP dan SPM (60.2%). Kajian ini telah meninjau minat di kalangan 487 orang responden wanita kepada 11 jenis aktiviti iaitu membeli belah, berpersatuan, kerja kebajikan, kerja rumah tangga, melancong, bersukan, berkebun, membaca, berpolitik, berniaga dan berkumpul dengan kawan. Hasil tinjauan mendapati tiga aktiviti utama yang diminati oleh responden ialah kerja rumah tangga, kerja kebajikan dan membaca. Manakala aktiviti yang tidak diminati ialah berpolitik dan bersukan.

Kajian ini juga telah dibuat bagi mengkaji masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti tersebut. Menurut urutan, responden telah mengutamakan masa untuk kerja rumah tangga diikuti dengan aktiviti membaca. Terlalu sedikit masa yang diperuntukkan untuk bersukan. Analisis spesifik dibuat terhadap wanita yang menganggotai koperasi bercampur. Dari segi minat dan masa yang diperuntukkan terhadap 11 aktiviti tersebut dan kaitannya dengan tiga tahap penglibatan wanita iaitu kurang aktif, sederhana dan sangat aktif.

Hasil kajian menunjukkan 29.3% berada di tahap kurang aktif. Dari segi tahap penglibatan wanita dengan taraf pendidikan, ia menunjukkan tidak terdapat pola

tertentu yang menunjukkan wujudnya perkaitan antara kedua-dua faktor tersebut. Dari segi analisis tahap penglibatan dan kaitannya terhadap minat, didapati perkaitan yang tinggi antara tahap penglibatan responden dengan minat berpersatuan, kerja rumah tangga, berpolitik dan berniaga. Dari segi minat berpersatuan, kerja rumah tangga dan berniaga, didapati responden yang berada di tahap sangat aktif menunjukkan minat yang lebih terhadap aktiviti tersebut berbanding responden yang berada dalam tahap kurang aktif.

Dari segi analisis tahap penglibatan dan kaitannya dengan masa, hanya masa bagi aktiviti berpersatuan, kerja kebajikan, berpolitik dan berniaga adalah signifikan. Walaupun responden mempunyai minat yang sangat tinggi dalam sesuatu aktiviti, tidak semestinya mereka mempunyai masa untuk terlibat dalam aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun respons dalam kategori sangat aktif memperlihatkan mereka dapat memperuntukkan masa yang lebih jika dibandingkan dengan responden yang berada dalam tahap sederhana dan kurang aktif.

Dari segi Analisis min, kajian mendapati min minat yang tinggi iaitu lebih dari 2.5 diperoleh bagi aktiviti membeli belah, kerja kebajikan, kerja rumah tangga, melancong dan membaca bagi responden yang berada pada ketiga-tiga tahap penglibatan wanita. Walau bagaimanapun, hanya aktiviti kerja rumah tangga menunjukkan min lebih 2.5 bagi responden yang berada pada ketiga-tiga tahap penglibatan wanita. Ini menunjukkan bahawa tidak mengira sama ada responden wanita berada dalam tahap kurang aktif, sederhana aktif dan sangat aktif kerja rumah tangga merupakan keutamaan dari segi minat dan masa.

Analisis faktor telah dibuat bagi menganalisis pandangan umum terhadap faktor halangan wanita dalam kepimpinan koperasi. Terdapat 27 ciri-ciri yang telah dikenal pasti dan dikeluarkan dalam bentuk soalan dengan menggunakan skala likert sebagai pengukur. Enam faktor utama telah dikenal pasti mempengaruhi penglibatan wanita

dalam koperasi iaitu dwi-peranan wanita, keistimewaan wanita, kelemahan wanita, penghalang wanita, sifat semula jadi dan peranan lelaki.